

# Hasil dividen ICAP 5.21 %

**PETALING JAYA** – icapital.biz Bhd (ICAP), satu-satunya dana tertutup yang tersenarai di Malaysia, telah mengisyiharkan dividen interim sebanyak 13.54 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Mei 2026 (TK26), selaras dengan dasar dividen inovatif ICAP yang bertujuan untuk memberi ganjaran kepada pelabur jangka Panjang.

Berdasarkan harga penutup saham ICAP pada RM2.60 pada 22 Ogos lalu, pembayaran ini menghasilkan kadar hasil dividen sebanyak 5.21 peratus.

Tarikh luput dividen untuk dividen interim ini adalah 30 September 2025, manakala tarikh kelayakan pada jam 5 petang, 1 Oktober 2025. Dividen akan dibayar pada 30 Oktober 2025.

Ini merupakan kali kedua ICAP mengisyiharkan dividen di bawah dasar dividen inovatifnya.

ICAP telah mengisyiharkan dividen interim sulungnya sebanyak 10.41 sen sesaham bagi TK25 pada 27 September 2024.

Sehingga 20 Ogos 2025, nilai aset bersih (NAB) sesaham ICAP adalah pada RM3.84, mewakili premium sebanyak 32.3 peratus berbanding harga sahamnya pada RM2.60.

Tan Teng Boo, individu yang dilantik untuk ICAP berkata, pengumuman dividen kedua ini mencerminkan komitmen syarikat untuk memberi ganjaran kepada pemegang saham sambil kekal berpegang teguh



**TAN TENG BOO**

pada falsafah pelaburan nilai jangka panjang ICAP.

“Prestasi portfolio kami yang kukuh telah membolehkan kami memberikan pulangan yang mampan.

“Kami tetap yakin dengan keupayaan kami untuk menjana nilai bagi pemegang saham dalam mengharungi peluang dan cabaran yang mendarat,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Dari 15 Ogos 2022 hingga 15 Ogos 2025, harga saham dan NAV ICAP masing-masing mencatatkan pulangan 11.10 peratus setahun dan 8.34 peratus setahun, jauh mengatasi Indeks MSCI Malaysia yang meningkat 1.20 peratus setahun dalam tempoh sama.